



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**ISNIN/ 29 OKTOBER 2018**

- 1. CADANGAN DI PERINGKAT AKHIR**
  - **BERITA HARIAN**
  
- 2. GUNA TEKNOLOGI PERTANIAN**
  - **SINAR HARIAN**
  
- 3. TUAI PADI ELAK DIGENANGI BANJIR**
  - **HARIAN METRO**
  
- 4. INSURANS KELOMPOK ATASI KERUGIAN PETANI**
  - **HARIAN METRO**
  
- 5. KEPERLUAN BENIH CUKUP**
  - **HARIAN METRO**
  
- 6. INSURANS BERKELOMPOK PETANI TAHUN HADAPAN**
  - **UTUSAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 29 OKTOBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Ms.4

ISU

INSURANS KELOMPOK UNTUK PETANI

Isnin, 29 Oktober 2018 BH

# Cadangan di peringkat akhir

Hasil kajian dijangka dibentang di Parlimen tahun depan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Fakhru Abid Mohamed Saifuddin  
cnews@nstp.com.my

Tumpat

Cadangan memperkenalkan insurans berkelompok bagi mengatasi masalah petani yang mengalami kerugian akibat pelbagai bencana terutama banjir, kini di peringkat akhir kajian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, berkata hasil kajian itu dijangka dibentangkan di Parlimen tahun depan.

"Bagi tahun akan datang, Kementerian bakal memperkenalkan insurans kelompok dan menilai kaedah mana yang lebih sesuai untuk insurans berkenaan," katanya selepas merasmikan Bengkel Agroprenuer Muda Jajahan Tumpat di sini, semalam.

Beliau berkata, pendekatan itu diambil kerana petani tidak mempunyai insurans dan hampir setiap tahun mengalami kerugian akibat bencana.

**Tabung bencana**

"Jika sebelum ini setiap kali mengalami kerugian, Kementerian mempunyai tabung bencana untuk membantu petani dan Insya-Allah tahun akan datang kita wujudkan insurans kelompok.

"Kita masih menilai kaedah mana lebih sesuai untuk insurans berkenaan. Pelbagai cadangan kita terima daripada banyak pihak.

"Kita akan menilai sebaik mungkin supaya tidak membebankan kerajaan dan petani, Insya-Allah awal tahun depan kita dapat memuktamadkan dan bawa ke Kabinet untuk diputuskan," katanya.

Mengulas Program Agroprenuer Muda, Mohd Sallehuddin berkata, Kementerian menyasarkan 1,000 peserta menyertai program berkenaan terutama anak muda.

"Ini satu usaha yang dilakukan kerajaan untuk menarik perhatian belia menceburi bidang pertanian selain sebagai pengganti kepada mereka yang sudah berusia.

"Setakat ini, hanya 30 peratus golongan muda menceburi bidang pertanian dan kita mahu lebih ramai terbahit dan mereka yang layak boleh memohon untuk bantuan Agroprenuer Muda," katanya.



Kita masih menilai kaedah mana yang lebih sesuai untuk insurans berkenaan. Pelbagai cadangan kita terima daripada banyak pihak"

**Mohd Sallehuddin Hassan**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 OKTOBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

## Guna teknologi pertanian

**Kedah berpotensi jadi negeri pengeluar makanan**

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

**K**edah berpotensi sebagai negeri pengeluar makanan sekiranya produktiviti dan hasil dipertingkatkan menerusi penggunaan teknologi pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, negeri ini memiliki tanah luas termasuk tanah terbiar yang boleh diusahakan, untuk menghasilkan bahan mentah hingga kepada pemrosesan makanan.

Menurutnya, sekiranya rangkaian itu dilakukan secara serius, tidak mustahil Kedah mampu muncul negeri pengeksport makanan.

"Jika tanah terhad, tingkatkan produktiviti dengan teknologi pertanian dan manfaatkan setiap inci tanah yang ada. Kementerian, Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) akan lakukan penyelidikan untuk pindahkan teknologi itu kepada negeri untuk tingkatkan hasil," katanya selepas hadir taklimat bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) sempena lawatan kerja dua hari ke Kedah.

Tze Tzin berkata, penggunaan teknologi dalam sektor pertanian juga akan menarik minat golongan muda.

Menurutnya, komitmen Kedah untuk meningkatkan hasil padi menerusi pelbagai pendekatan termasuk teknologi juga bertepatan, demi jaminan sekuriti makanan negara.

"Antaranya penggunaan dron, jika untuk kawasan Mada sahaja perlukan 400 buah. Teknologi ini berpotensi dan popular,



Tze Tzin (dua, kanan) memeriksa mutu beras ketika melawat kilang beras di Jeral.

selain kaedah pertanian tepat dan pengilangan pertanian. Ini termasuk kajian penggunaan baja dalam mengawal persekitaran serta gunakan lampu LED menggantikan cahaya matahari," katanya.

Tze Tzin berkata, negara tidak perlu mengimport teknologi dari luar kerana teknologi tempatan juga diyakini kemampuannya.

"Kita boleh contohi Holland, yang gunakan teknologi pertanian kerana tanah terhad. Malah negara itu berjaya menjadi penyumbang eksport kedua terbesar bahan makanan dunia selepas Amerika Syarikat," katanya.

Menurutnya, Kedah berpotensi dibangunkan seperti di Holland kerana masih memiliki tanah luas,

tenaga kerja banyak serta sokongan daripada kerajaan negeri dan Pusat.

Dalam perkembangan lain, Tze Tzin berkata, keperluan benih padi sah di kawasan Mada seluas 100,665 hektar bagi musim 2/2018 adalah mencukupi.

"Isu di Kedah dan Perlis bukan disebabkan kekurangan benih padi sah tetapi permintaan tinggi bagi

info

Penggunaan teknologi dalam sektor pertanian juga akan menarik minat golongan muda

sesetengah varieti padi antaranya Siraj 297. Kita sedang usaha dapatkan bekalan dari tempat lain bagi menampung permintaan," katanya.

Menurutnya, anak syarikat Mada, MadaCorp bersedia membekalkan benih padi sah bagi menampung keperluan 12,800 hektar tanaman padi dan bakiannya dibekalkan oleh pengeluar benih padi sah yang lain.

"Dianggarkan 7,616 metrik tan akan diagihkan semula, ia mencukupi keperluan kerana lebih 10,000 metrik tan sudah diedarkan. Manakala lebih 4,000 metrik tan lagi masih menunggu keputusan ujian makmal," katanya.

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

---

**Rantau Panjang:** Pesawah di daerah ini kini giat menuai padi kerana bimbang hasil tanaman mereka ditenggelami banjir yang boleh menyebabkan kerugian besar.

Pesawah, Azli Jaafar, 50, berkata, pengalamannya yang pernah mengalami kerugian hingga RM50,000 akibat sawahnya ditenggelami air tanpa sempat menuai mendorongnya menjalankan tuaiian secepat mungkin.

Katanya, sudah menjadi lumrah terutama untuk pesawah di tempatnya yang setiap tahun perlu peka dan memperhatikan tuaiian kerana musim kedua menuai pada musim tengkujuh.

Terdapat dua musim menuai setiap tahun iaitu Mei dan Oktober. Untuk musim pertama biasanya tidak memberi masalah kerana



## Tuai padi elak digenangi banjir

AZLI menunjukkan padi yang perlu dituai segera di Kampung Luar, semalam.

waktu ini tiada hujan yang lebat mahupun kemarau berpanjangan.

"Sekarang ini 70 peratus padi dituai. Sesebihnya dalam proses dan saya berharap kami dapat menyelamatkan padi ini sebelum sawah ditenggelami air banjir."

"Biasanya hasil tuaiian padi musim kedua sebanyak 30 peratus berbanding musim pertama, sekali gus merugikan pesawah seperti saya yang bergantung harap pada hasil tanaman padi untuk kehidupan seharian," katanya ketika ditemui di sawahnya di Kampung Luar, di sini.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan kenyataan permulaan Monsun Timur Laut yang dijangka bermula hari ini hingga Mac 2019.

um 2910

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2018**

**PERKARA : PERIKANAN**

## Insurans kelompok atasi kerugian petani

**Tumpat:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang mewujudkan insurans berkelompok untuk petani bagi mengatasi sebarang kerugian bakal dialami mereka terutama ketika banjir.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, perkara itu di peringkat akhir perbincangan sebelum dibentangkan di Parlimen, tahun depan.

Katanya, pendekatan terbahit diambil memandangkan petani tidak mempunyai insurans dan hampir setiap tahun mengalami kerugian akibat bencana.

"Jika sebelum ini, setiap kali kerugian, kementerian mempunyai tabung bencana untuk membantu petani yang berdepan masalah dan insya Allah pada tahun



**MOHD Sallehuddin (tengah) bersama peserta selepas merasmikan Bengkel Agroprenuer Muda Jajahan Tumpat, semalam.**

akan datang, kita wujudkan insurans kelompok.

"Setakat ini, kami masih menilai kaedah yang lebih sesuai untuk insurans berkenaan. Pelbagai cadangan diterima.

"Namun kita akan menilai sebaik mungkin supa-

ya tidak membebankan kerajaan dan petani. Awal tahun depan kita memuktamadkan dan bawa ke Kabinet untuk diputuskan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Agro-

preneuer Muda Jajahan Tumpat di sini, semalam.

Mengulas mengenai program itu, Mohd Sallehuddin berkata, kementerian menyasarkan 1,000 peserta untuk menyertai program itu terutama golongan anak muda.

Am 29/10/18



KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 OKTOBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

---

### **Alor Setar**

## Keperluan benih padi cukup

Keperluan benih padi sah yang meliputi kawasan seluas 100,685 hektar adalah mencukupi bagi musim penanaman padi pada waktu ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin berkata, pada dasarnya benih padi sah adalah mencukupi namun disebabkan oleh permintaan tinggi bagi varieti MARDI SIRAJ 297 menyebabkan berlakunya kekurangan bagi varieti itu sehingga tidak dapat menampung permintaan.

“Satu perbincangan khas diadakan bersama anak syarikat Lembaga

Kemajuan Pertanian Muda (MADA) iaitu MADACorp, Jabatan Pertanian Teluk Chengai dan MARDI Seberang Perai pada 24 Oktober lalu bagi menyelesaikan isu ini.

“Menerusi perbincangan itu, MADACorp menyatakan kesediaan untuk membekalkan benih padi sah bagi menampung keperluan 12,800 hektar tanaman padi dan bakinya akan dibekalkan oleh pengeluar benih sah yang lain,” katanya.

Beliau berkata kepada media selepas mengadakan lawatan kerja di Pejabat MADA di Ampang Jajar di sini, semalam.

HM 29110

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

## Insurans berkelompok petani tahun hadapan

**TUMPAT 28 Okt.** - Modul cadangan skim insurans berkelompok petani bagi mengatasi masalah kerugian akibat bencana alam termasuk banjir dijangka diserahkan kepada Kabinet awal tahun hadapan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan berkata, pihaknya kini dalam fasa akhir menyiapkan modul dan kaedah pelaksanaan insurans berkenaan sebelum diserahkan kepada Kabinet untuk diputuskan.

Beliau berkata, kaedah bantu-

an sebelum ini seperti pemberian wang ihsan bagi membolehkan petani yang hasilnya terjejas memulakan tanaman baharu akan tetap diteruskan namun bukanlah seratus peratus.

"Kajian dibuat supaya pelaksanaan insurans tidak membebankan kerajaan mahupun petani, kalau mengharapkan kerajaan sepenuhnya adalah tidak adil.

"Sesetengah negara (bayaran) sumbangan insurans dibuat



**MOHD. SALLEHUDDIN HASSAN**

petani seratus peratus manakala setengah negara lain pula secara *hibrid* iaitu sebahagian daripada kerajaan dan selebihnya petani," katanya selepas merasmikan Seminar Peluang Kerjaya Kepada Agrepreneur Muda Jajahan Tumpat di Pejabat KADA

Tumpat di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Mohd

Ridzuan Ismail.

Mohd. Sallehuddin berkata, pelaksanaan insurans dengan kadar premium yang sesuai dijangka dimulakan dengan petani yang mengusahakan tanaman padi sebelum dikembangkan kepada hasil yang lain.

"Berbeza dengan petani, golongan nelayan sudah ada (perlindungan) insurans kelonggaran diri dan kematian melalui sumbangan daripada elaun sara hidup yang mana mereka berpeluang mendapat sehingga RM150,000 jika berlaku kematian," katanya.

UM 29/10